



UCAPAN

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA

SEMPENA
MAJLIS ANUGERAH KONTRAKTOR CEMERLANG JKR MALAYSIA
TAHUN 2021

2 DISEMBER 2021 (KHAMIS)
BILIK MESYUARAT TANJUNG,
KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA, KUALA LUMPUR

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

SALUTASI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua, kita dapat bersama-sama hadir secara fizikal pada hari ini, sempena **Majlis Anugerah Kontraktor Cemerlang Jabatan Kerja Raya Malaysia Tahun 2021**. Semoga kita semua tidak lalai dan alpa, sebaliknya sentiasa mematuhi sepenuhnya SOP yang telah ditetapkan bagi mencegah penularan Covid-19.

2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada JKR Malaysia kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan anugerah kepada kontraktor-kontraktor cemerlang pada hari ini. Tahniah juga di atas komitmen semua dalam menjayakan majlis ini.

CABARAN DAN RINTANGAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Seluruh dunia telah berdepan cabaran dan rintangan kesan daripada pandemik Covid-19 yang melanda sejak dari awal tahun 2020. Begitu juga

dengan negara kita, tidak terkecuali diuji dengan ujian getir ini. Semua sektor terkesan akibat pandemik ini termasuklah sektor pembinaan yang turut menerima tempiasnya. Namun begitu, negara dalam proses ke arah fasa endemik dan bilangan kes jangkitan menunjukkan trend penurunan, Alhamdulillah.

4. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada JKR Malaysia kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dalam usaha memperkasakan kontraktor melalui program Anugerah Kecemerlangan Kontraktor (AKC). Sesungguhnya, penganjuran majlis ini amat signifikan, khususnya dalam memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada pihak kontraktor yang telah menunjukkan prestasi cemerlang serta sentiasa berusaha ke arah peningkatan dan pembudayaan kualiti dalam memenuhi aspirasi pelanggan kita.

5. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Ketua-Ketua Panel di kalangan pegawai JKR yang telah berganding bahu menyumbang tenaga dan kepakaran dalam menjayakan program Anugerah Kontraktor Cemerlang pada tahun ini, meskipun berdepan dengan pelbagai rintangan semasa menjalankan sesi pengauditan.

DASAR PEMBINAAN NEGARA 2030

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Kita sedia maklum, Dasar Pembinaan Negara 2030, bertemakan Digitalisasi Sektor Pembinaan merupakan satu pendekatan proaktif kerajaan untuk mengadaptasi teknologi dalam semua proses kerja. Lantaran itu,

cabaran ini haruslah disambut dengan tangan terbuka oleh semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dengan pelaksanaan projek-projek kerajaan iaitu KKR, JKR, kontraktor mahupun stakeholder.

7. Menerusi Belanjawan Negara 2022 sejumlah RM400 bilion telah diperuntukkan dalam RMKe-12 bagi tujuan pembiayaan projek sambungan dan projek baharu. Ini adalah satu cabaran untuk kita bersama-sama dalam memberikan komitmen yang tinggi, khususnya dalam melaksana dan menjayakan projek-projek berkenaan. Lantaran itu, beberapa strategi perlu diatur oleh semua pihak, sejajar kebersamaan kita sebagai Keluarga Malaysia yang ditunjangi oleh rakyat berbilang bangsa dan agama.

8. Kita perlu mempertingkatkan gerak kerja secara kolektif dan lebih agresif dengan memperkukuhkan beberapa tindakan, khususnya ke arah meningkatkan daya saing dalam industri pembinaan negara. Antaranya;

- a) Memantapkan proses kerja dengan pantas dan tuntas secara digital;
- b) Membudayakan ilmu pengetahuan dalam pengurusan pembinaan secara meluas dan dinamik;
- c) Memantapkan lagi kesepaduan dan jalinan mesra ke semua peringkat Pengurusan projek termasuk stakeholder; dan
- d) Menambahbaik sistem pengurusan risiko secara kolektif melibatkan kos, kewangan, masa, keselamatan dan kesihatan serta pengukuhan integriti dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan.

9. Bertitik tolak dari sini, saya amat berharap agar JKR dan kontraktor selaku pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakan projek-projek

kerajaan seharusnya menyahut cabaran ini untuk berusaha dengan lebih tekun agar gerak kerja ini dapat dicapai dan dilaksanakan dengan jayanya-

ANUGERAH KONTRAKTOR CEMERLANG JKR TAHUN 2021

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Saban tahun JKR memberi penghargaan atas usaha-usaha yang dilaksanakan oleh semua pihak sama ada kepada warga JKR, kontraktor mahupun pemegang taruh jabatan melalui penganugerahan Kontraktor Cemerlang. Walaupun dalam keterbatasan norma baharu Covid-19 pada masa kini, Alhamdulillah, majlis penganugerahan ini dapat dilaksanakan seperti yang dirancang dan diadakan secara fizikal pada hari ini.

11. Saya yakin dengan pengiktirafan yang diberikan kepada pihak kontraktor, maka ia dapat menzahirkan lebih banyak projek yang berkualiti dan memberi impak yang besar kepada JKR dalam aspek pengurusan dan perkhidmatan teknikal yang lebih dinamik, menjurus kepada pendigitalan masa kini, sekaligus perkhidmatan terbaik kepada rakyat pada setiap masa.

12. Saya difahamkan sebanyak tujuh (7) kategori dipertandingkan pada tahun ini, iaitu kategori;

- i. Bangunan;
- ii. Infrastruktur;
- iii. Mekanikal dan Elektrik;
- iv. Sub-Kontraktor Dilantik;
- v. Pengurusan Fasiliti Bangunan;
- vi. Pengurusan Trafik Tapak Bina Bagi Projek Jalan;

vii. Pembinaan Hijau.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pemenang-pemenang Anugerah.

HARAPAN KKR DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

13. Dalam usaha kerajaan memperkasakan Keluarga Malaysia, saya menyeru kepada semua agar dapat membina semangat kebersamaan dan kesepaduan yang jitu demi merancakkan kembali sektor pembinaan negara ke arah yang lebih inklusif dan dinamik, sejajar dengan iklim ekonomi dunia masa kini.

14. Lantaran itu, kesungguhan dan komitmen warga JKR bersama pihak kontraktor dalam memacu Visi 'Keluarga Malaysia' seharusnya didokong secara bersama dengan lebih tuntas, demi pemulihan negara. Ini sekaligus menyokong usaha kerajaan mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi serta kalis cabaran masa hadapan.

15. Semoga dengan pengiktirafan ini juga akan menjadi platform bagi jalinan kerjasama yang baik antara JKR dan pihak kontraktor untuk terus mengekalkan produktiviti dan kecemerlangan dalam melaksanakan projek-projek di JKR pada masa hadapan dengan menitikberatkan kelestarian alam, kualiti mahupun integriti.

16. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada semua pemenang Anugerah Inovasi dan Anugerah Kontraktor Cemerlang JKR Tahun 2021. Kekalkan rentak kecemerlangan dan teruskanlah mendokong usaha Kerajaan untuk kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh